

aabt 081000

Mahathir-temubual

GERAK BALAS EROPAH KEPADA KONFLIK BOSNIA MENGECEWAKAN, KATA PM

1
KUALA LUMPUR, 8 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membidas negara-negara Eropah kerana gerak balasnya yang "amat mengecewakan" terhadap konflik di Bosnia Herzegovina.

"Bagi orang yang melaung-laung soal keadilan, hak asasi, kebebasan dan sebagainya. Orang inilah yang sentiasa bercakap -- yang berkata kita tidak mengamalkan demokrasi seperti yang mereka mahu. Saya ingat negara Barat tidak akan membiarkan perkara-perkara seperti ini berlaku. Tetapi sedikit sebanyaknya saya telah hilang keyakinan terhadap nilai murni Barat," kata Perdana Menteri dalam temubual dengan majalah Asiaweek.

Dalam temubual itu, Dr Mahathir tidak syak lagi membuktikan kesungguhannya untuk berusaha menamatkan pembunuhan beramai-ramai di Bosnia.

Pada pendapat beliau, jalan penyelesaian kepada konflik itu ialah mengembalikan Bosnia kepada rakyat Bosnia -- sama ada mereka Croat, Serb atau umat Islam dan biarkan mereka menikmati kedaulatan.

Dr Mahathir juga membidas sikap Amerika, dengan berkata : " Amerika telah menyatakan kesediaannya untuk turut serta. Tetapi negara-negara Eropah meminta Amerika supaya jangan pergi. Saya langsung tidak faham kenapa Amerika boleh menjadi 'pak turut' memandangkan ia selalu bertindak sendiri...Grenada, Nicaragua." -- lagi

▼08/08/10-00MST

CNS8708

U GB 07-08 00236 BA745

aabt 081000

Mahathir-temubual 2 Kuala Lumpur

Petikan temubual dengan wartawan kanan Asiaweek, Roger Mitton :

Apakah kepentingan Malaysia di Bosnia?

Kita didorong oleh perasaan bahawa rakyat Bosnia ditindas. Hakikat bahawa mereka ialah umat Islam menambahkan lagi minat ini. Tetapi bukan semuanya rakyat Bosnia umat Islam. Terdapat juga Kristian. Kalau kami dapat berbuat sesuatu berhubung masalah itu, kami harus melakukannya.

Adakah OIC akan membantu PBB melindungi kawasan umat Islam?

Kita perlu berikan kepada rakyat Bosnia, satu wilayah yang mereka dapat namakan Bosnia. Mereka mempunyai hak. Ianya sebuah negara yang diiktiraf oleh PBB tetapi kini ditelan oleh puak Serb. Dan PBB hanya dapat berkata : Kita tidak mahu askar kita cedera kerana di negara masing-masing, ini tidak dapat diterima.

Adakah peranan tentera Malaysia ialah untuk menyerang?

Jika PBB berpendapat kami perlu berperanan untuk menyerang, kami harus melakukannya. Jika kami ialah sebahagian daripada pasukan penguatkuasa PBB, kami akan laksanakannya. Kami-pergi bukan sebagai tentera Malaysia yang berasingan.

Jika Iran dan Palestin tidak dibenarkan pergi, adakah Malaysia akan menghantar tenteranya?

Kami akan menolong. Ada golongan yang memihak kepada Serb. Kami tidak pernah membantah jika mereka turut serta. Kenapa harus ada diskriminasi terhadap Iran. Kami tidak mahu anggap perkara ini sebagai satu perang jihad. Tetapi jika Iran mahu menyumbang tentera, mereka harus dibenarkan berbuat demikian. -- lagi

▼08/08/10-00MST

CNS8709

U GB.07-08 00203 BA747

aabt. 081000

Mahathir-temubual 3 Kuala Lumpur

Ada yang berkata Iran mempunyai latar belakang menyokong kumpulan radikal?

Negara-negara Barat mempunyai latar belakang menyokong pemberontakan.

Ramai yang bimbang terhadap kemungkinan wujud tentera Islam di Eropah?

Kami tidak berkata ia seharusnya tentera Islam sepenuhnya. Tetapi negara-negara Eropah tidak mahu menghadapi risiko. Kami rela untuk tidak campur tangan jika negara-negara Eropah sanggup bertindak seperti apa yang mereka lakukan terhadap Iraq. Kalau boleh, kami tidak mahu menghantar tentera kami ke sana.

Adakah negara Eropah berhak menetapkan siapa yang layak menghantar tentera?

Tidak. Hanya Perhimpunan Agung PBB yang boleh.

Bukankah Majlis Keselamatan?

Majlis Keselamatan sekarang dikuasai oleh kumpulan tertentu.

Adakah OIC sekata dalam soal penghantaran tentera ini?

Memang. Tentunya mereka sedar mengenai bahayanya dan kalau mereka tidak diberi kelengkapan dan perlindungan sebaik-baiknya. Saya fikir mereka tidak mahu mengambil risiko. Kami (Malaysia) tidak mahu menghantar tentera untuk disembelih. Kami perlu kelengkapan untuk menghadapi Serb. Kami perlu perlindungan udara dan sebagainya. Jika puak Serb menembak kami, kami perlu membalas. Oleh itu, kami perlukan satu pasukan yang benar-benar mampu menangani keadaan sedemikian. -- lagi

▼08/08/10-00MS1

CNS8710

U GB 07-08 00218 BA748

saab 081000

Mahathir-temubual 4 Kuala Lumpur

Jakarta belum berjanji untuk menghantar tentera?

Indonesia mungkin turut sertai dengan tentera. Saya berpendapat mereka akan berbuat demikian (walaupun) mereka tidak menyatakannya.

Adakah anda mendapat sokongan rakyat di negara ini untuk menghantar tentera?

Ya. Terdapat perasaan yang kuat. Semua orang tahu tentang risikonya. Mereka akan menghantar suami dan anak mereka. Sudah pasti mereka bimbang. Tetapi mereka menyokong.

Adakah tentera Islam tidak akan memihak?

Jika anda ditembak dan kemudian berkata: "Maaf, saya tidak kisah ditembak kerana saya tidak memihak...itu gilalah. Jika anda ditembak, saya fikir anda harus membalas. Tentera Baratpun tidak suka ditembak."

Ada yang bimbang mereka akan bekalkan senjata kepada rakan Islam mereka?

Kami berpendapat rakyat Bosnia harus berjuang bagi pihak mereka sendiri. Saya tidak faham kenapa rakyat Bosnia tidak dibenarkan memiliki senjata. Jika saya dipukul penjahat dan polis berkata: "Saya tidak benarkan awak menggunakan senjata untuk memukul penjahat kerana dengan itu awak boleh cedera dan penjahat itupun boleh cedera. Jika itulah logiknya, dunia ini akan jadi gila."

Haruskah OIC engkari sekatan itu?

Tidak. Tetapi kami akan menyokong PBB membuat keputusan membolehkan rakyat Bosnia memiliki senjata. Puak Serb tidak pula disekat daripada memiliki senjata.

-- lagi

▼08/08/10-01MST

CNS8711

U GB 07-08 00312 BA749

aabt 081000

Mahathir-temubual 5 Kuala Lumpur

Tentera Barat berkata mereka akan keluar jika sekatan ditarik balik?

Ini kerana mereka mahu menyelamatkan diri. Kenapa mereka tidak berundur apabila mereka terpaksa menentang Iraq? Kerana mereka boleh terlepas. Itupun Iraq tidak mengganas seperti Serb.

Adakah tentera OIC akan beri tumpuan kepada masyarakat Islam?

Tidak, rakyat Bosnia keseluruhannya. Masyarakat Islam berkata mereka mahukan Bosnia bukan untuk mereka semata-mata. Mereka mahu berkongsi dengan Croat dan Serb. Mereka mahu menjalani kehidupan seperti yang mereka amalkan sebelum ini. Tetapi kini mereka dipaksa mempunyai wilayah berasingan. Itu bukannya kehendak mereka.

Tetapi umat Islam saja yang menjadi mangsa kekejaman?

PBB dan Barat berkata bahawa selepas Perang Teluk mereka seharusnya mempunyai hak untuk memasuki mana-mana negara untuk menentukan bahawa keadilan wujud. Dan kini, secara terang-terang kita boleh saksikan menerusi TV setiap hari dan mereka sanggup berkata: "Kami tidak dapat berbuat apa-apa." Polis jenis apakah ini?

Bagaimana penilaian anda terhadap gerak balas Kropah?

Amat mengecewakan -- bagi orang yang melaung-laung soal keadilan, hak asasi, kebebasan dan sebagainya. Orang inilah yang sentiasa bercakap -- yang berkata kita tidak mengamalkan demokrasi seperti yang mereka mahu. Saya ingat negara Barat tidak akan membiarkan perkara-perkara seperti ini berlaku. Tetapi sekarang sedikit sebanyaknya saya telah hilang keyakinan terhadap nilai murni Barat.

Bagaimana dengan gerak balas Amerika?

Amerika telah menyatakan kesediaannya untuk turut serta. Tetapi negara-negara Kropah meminta Amerika supaya jangan pergi. Saya langsung tidak faham kenapa Amerika boleh menjadi 'pak turut' memandangkan ia selalu bertindak sendiri...Grenada, Nicaragua.

Apakah implikasi gerak balas Barat ini?

Jika selepas ini Serb masih bebas, mereka akan lakukan perkara lain. Negara lain pula mungkin mempunyai rancangan yang sama -- bahawa jika mereka sedia menghentam tentera Barat, mereka boleh terlepas daripada tindakan. -- lagi

▼08/08/10-01MS'T

CNE8712

U GB 07-08 00233 BA750

aabt 081000

Mahathir-temubual 6 Kuala Lumpur

Apakah penyelesaiannya?

Pulangkan Bosnia kepada rakyat Bosnia. Sama ada mereka Croat, Serb atau Islam, biarlah mereka menikmati kedaulatan.

Jika Slobodan Milosevic berada di sini, apakah anda akan berkata kepadanya?

Saya akan menghentam mukanya. Saya tidak faham kenapa masyarakat dunia boleh membiarkan si gila dan pembunuh ini boleh terlepas daripada tindakan.

Adakah anda samakan dia dengan Hitler?

Ya. Dia dan Radovan Karadzic.

Milosevic mungkin memberi alasan yang dia melindungi hak Serb?

Rakyat Bosnia mempertahankan hak mereka. Tetapi Serb seperti binatang. Mereka merogol, membunuh wanita dan kanak-kanak. Pembedahan dibuat tanpa dibius, dan kanak-kanak dipotong kerana tidak ada ubat. Setiap hari, ini dapat disaksikan di TV. Kita duduk dengan selesa dan menyaksikan pembunuhan. Dan kita tidak berbuat apa-apa. Dan mereka bercakap mengenai tamadun moden. Orde Baru Dunia.

Masyarakat dunia Islam juga dikatakan tidak bertindak secara berkesan?

Ya, kerana kita menghadapi kesulitan. Masyarakat dunia Islam bukan satu kumpulan seragam. Mereka juga saling bercakaran. Kami tidak mampu bertindak. Tetapi kami tidak pernah berperanan sebagai polis dunia. Kami tidak pernah memaksa orang lain mengikuti nilai kami.

Tidakkah anda berkewajipan membela rakan Islam anda?

Ya. Sekadar kemampuan yang ada. Kami tidak berdaya melaksanakan sebarang tindakan. Kami lemah. Tidak ada kuasa besar Islam. -- lagi

▼08/08/10-01MS'

aabt 081000

Mahathir-temubual 7 (akhir) Kuala Lumpur

Adakah elemen radikal Islam mendapat faedah-daripada keadaan di Bosnia?

Kekecewaan di kalangan rakyat Palestin menyebabkan mereka bertindak melulu, seperti mengganas. Mereka berusaha kembali ke jalan yang benar tetapi tidak mendapat gerak balas. Apabila orang kecewa dengan sesuatu sistem, mereka akan melakukan cara lain. Ini termasuk yang bukan Islam. Setiap hari Yahudi membunuh umat Islam. Tiada siapa yang bertindak balas. Setiap hari, Kristian membunuh Kristian. Tiada siapa yang kata ini adalah gerakan Kristian. Kenapa pula apabila sekumpulan pelampau melakukan sesuatu, keseluruhan agama Islam dikutuk?

Bagaimana dengan PBB, daripada kaca mata Malaysia?

Di Kemboja, kami memainkan peranan besar. Masalah itu nampaknya hampir selesai. Kami belum nampak lagi penyelesaian terhadap masalah di Somalia tetapi kami sanggup mengambil bahagian. Kami lihat satu bentuk kengangan di Bosnia.

Perluakah Majlis Keselamatan disertai negara lain?

Piagamnya perlu dipinda. Dunia tidak harus terikat kepada kesan perang 45 tahun yang lepas. Kita mesti mengambil kira dunia kini yang moden. Lima anggota tetap -- kami tidak kisah mereka menjadi anggota tetap tetapi tidaklah dengan kuasa veto. Kami berpendapat negara lain patut dijadikan anggota tetap. Negara-negara membangun harus mempunyai wakil tetap.

Jepun?

Saya harap Jepun akan menunjukkan minat terhadap keseluruhan dunia dan tidak dengan minat terhad. Jika ia berbuat demikian, ia harus menganggotai Majlis Keselamatan.

Kuasa besar manakah yang Malaysia senangi?

Kami tidak senang dengan sesiapa. Dulu ada juga yang kami senangi.

China?

China tidak memainkan peranan seperti yang kami harapkan. Tetapi ia mempunyai masalahnya sendiri. Sebaliknya, ia tidak menunjukkan kuasanya dengan memerintah pihak lain supaya membuat dan tidak membuat itu dan ini. BBC baru-baru ini berkata kami "sebuah negara authoratarian yang menindas". Rakyat kami ditindas? Awak percaya? Kami tidak kisah, dengan pertumbuhan 8 peratus.

Adakah Amerika mempunyai peranan di rantau ini?

Jika Amerika mahukan peranan, ia harus berlaku adil di tempat lain. Amerika berkata kami diancam oleh China. Tetapi saya tidak nampak China sebagai ancaman lebih daripada Amerika. Tak apalah jika anda tidak melakukan apa yang Amerika tidak suka, tetapi jika anda berdepannya, akibatnya mungkin buruk.

Anda tidak yakin terhadap peranannya sebagai pengimbang kuasa?

Perkara ini tidak wujud. Sikap tidak memihak rantau ini harus dihormati. Semua pihak harus undur.

Adakah Perundingan Ekonomi Asia Timur akan mengadakan sidang kemuncak sebelum forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik bersidang di Seattle?

Tidak. Saya fikir kita harus membincangkan bagaimana membentuk struktur EAEC. Kami tidak mahu mengarahkan pihak lain bagaimana EAEC harus dibentuk. Perlu diadakan rundingan. Kami tidak tergesa-gesa. -- Bernama

AU MAI

▼08/08/10-02MST